

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : DALAM NEGERI

## Doktor swasta dapat kuasa

Oleh **PETAH WAZZAN**  
**ISKANDAR**  
 utusannews@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Pengamal perubatan swasta diberi kuasa membantu menangani penularan wabak Covid-19, mulai hari ini berdasarkan Ordinan Darurat, Seksyen 10 (2) Akta 342, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, ordinan tersebut memberi kuasa kepada pengamal perubatan swasta mengendalikan kes positif di tempat masing-masing (klinik atau hospital swasta).

Katanya, setakat ini seramai 186 pengamal perubatan swas-



**DR. ADHAM BABA**

ta akan terlibat secara langsung dengan kes berkaitan Covid-19. "Mereka boleh mengesan,

mengasing, memakaikan gelang dan memberi rawatan serta mengeluarkan arahan kuarantin di rumah atau Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

"Seramai 186 -orang itu membabitkan Perlis (4), Kedah (1), Pulau Pinang (16), Perak (3), Selangor (66), Kuala Lumpur (43), Putrajaya (1), Negeri Sembilan (13), Melaka (4), Johor (26), Pahang (2), Terengganu (3), Kelantan (2) dan Sabah (2)," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar majlis pelancaran buku *The Covid-19 Chronicles Of Malaysia Navigating The Storm* di sini, semalam. Dr. Adham berkata, beliau juga menyeru kepada mana-ma-

na pengamal perubatan swasta yang berminat untuk membantu kerajaan boleh mendaftar dengan kementeriannya.

Beliau berkata, semua pengamal perubatan swasta itu akan diberi garis panduan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) kawasan masing-masing.

Sementara itu, Dr. Adham berkeyakinan sebanyak 60 peratus dari 500,000 barisan hadapan akan berjaya divaksin pada hujung minggu ini.

"Buat masa ini, 195,923 individu sudah divaksin. Malah sehingga pukul 8 pagi tadi (semalam), seramai 4,680,531 orang sudah mendaftar untuk disenaraikan sebagai penerima vaksin," katanya.

## Pekerja asing positif Covid-19 meningkat

**PUTRAJAYA:** Jumlah pekerja warga asing positif Covid-19 setelah melalui proses saringan wajib di seluruh negara semalam mencatatkan kenaikan. Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Kementerian Sumber Manusia mengesahkan 88 orang positif semalam berbanding 56 orang dicatatkan

kelmarin.

"Sejak 1 Disember tahun lalu, seramai 598,790 individu selesai melakukan ujian melibatkan penyertaan sejumlah 31,275 majikan," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Daripada jumlah tersebut ujarnya, hanya 9,500 pekerja warga asing disahkan positif manakala selebihnya pula iaitu

seramai 589,290 lagi negatif.

Sebanyak 1,517 klinik terlibat dalam program khas itu selaras arahan kerajaan mewajibkan pekerja asing menjalani ujian dengan kos saringan perlu ditanggung majikan masing-masing.

Mulai 1 Februari lepas, saringan dibuat Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) terse-

but meliputi seluruh negara berbanding empat negeri dan dua Wilayah Persekutuan sebelum itu.

Dalam pada itu Ismail Sabri berkata, pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) turut memeriksa sejumlah 38 tapak binaan yang beroperasi di seluruh negara semalam.